



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (KELANTAN)

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
PUAN NIK ABDAH BIN OMAR
GURU SEKOLAH KEBANGSAAN KAMPONG PEK**

OLEH:

NORMASHIDAYU BINTI ABU BAKAR	2017275898
NUR SYAFIQAH ATHIRAH BINTI ZAMRI	2017826262

**PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (SEPT 2018 – JAN 2019)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
PUAN NIK ABDAH BIN OMAR
GURU SEKOLAH KEBANGSAAN KAMPONG PEK

OLEH:

NORMASHIDAYU BINTI ABU BAKAR 2017275898
NUR SYAFIQAH ATHIRAH BINTI ZAMRI 2017826262

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (SEPT 2018 – JAN 2019)

PENGHARGAAN

Bersyukur kami ke hadrat Ilahi dengan limpah dan kurniaNya dapat kami menyiapkan kerja kursus dengan jayanya. Pertama sekali kami ingin ucapan ribuan terima kasih kepada Puan Nik Abdah Binti Omar kerana memberi peluang kepada kami menghasilkan kerja kursus ini dengan menyediakan kemudahan seperti tempat untuk temubual bagi memudahkan kami mendapatkannya dan menyiapkan tajuk tugasan kami.

Kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Puan Nurulannisa Binti Abdullah yang telah banyak memberi tunjuk ajar serta penerangan yang sempurna kepada kami dari awal tugasan sehingga dalam proses menyiapkan yugasan ini. Selain itu, kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada puan kerana memberi kepercayaan kepada kami dalam menjalankan tugasan ini sehingga jayanya.

Tidak lupa juga kepada kedua ibu bapa kami yang banyak memberi sokongan serta dorongan dan juga wang ringgit dalam menghasilkan kerja kursus ini. Tanpa sokongan dan dorongan kalian mungkin tidak dapat kami menghasilkan tugasan ini dengan sempurna seperti rakan rakan yang lain. Malah, jutaan terima kasih juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang sama sama bertungkus-lumus menghasilkan tugasan ini dan juga bertukar-tukar idea dalam membantu kami menyiapkan kerja kursus ini.

Akhir sekali, harapan kami agar segala tugasan yang kami hasilkan dapat menambahkan ilmu pengetahuan kami disamping dapat menjadi bakal graduan yang bertanggungjawab dan sebagai modal insan yang cemerlang. Selain itu juga, harapan kami agar dapat memberi manfaat kepada pembaca agar kita sama-sama menjadi seorang yang berpengetahuan luas dalam menyampaikan maklumat bukan sahaja dalam proses pembelajaran malah kepada masyarakat setempat khususnya.

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan	
Isi kandungan	
Abstrak	
Biodata tokoh	
Pengenalan	
Transkrip	1
Bahagian 1	2- 5
Bahagian 2	6-10
Bahagian 3	11-18
Bahagian 4	19-25
Bahagian 5	26-31
Bahagian 6	32-34
Bahagian 7	35-38
Lampiran	
Log wawancara	39-40
Diari kajian	41-42
Senarai soalan	42-49
Gambar	50
Rujukan	51

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: Temubual ini adalah antara tokoh Puan Nik Abdah Binti Omar mengenai sejarah bangunan Sekolah Kebangsaan Kampong Pek pada tahun 1928. Bermula dari asal usul bangunan sekolah itu sehingga la sekarang. Disamping itu juga, bercerita tentang pengalaman beliau sepanjang menjadi guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Kampung Pek. Tentang beliau mula-mula menceburi bidang guru sehingga la menjadi guru paling terlama di Sekolah Kebangsaan Kampong Pek.

Kata kunci: Sekolah Kebangsaan Kampung Pek, sebelum kemerdekaan, selepas kemerdekaan, bangunan sejarah.

BIODATA TOKOH

PERKARA	PENERANGAN
NAMA PENUH	Nik Abdah Binti Omar
ALAMAT	Kampung Air Hijau
UMUR	52
TARAF PENDIDIKAN	Ijazah Sarjana Muda
TAHUN MULA MENGAJAR	1998
STATUS	Berkahwin
BILANGAN ANAK	4 orang
JAWATAN TERKINI	Guru di Sekolah Kebangsaan Kampung Pek

PENGENALAN

Sekolah Kebangsaan Kampong Pek pada asalnya dibuka pada tahun 1928 dengan nama asalnya Sekolah Melayu Kampong Pek. Bangunan awal hanyalah dina dengan beralaskan pelepas kayu dan berdindingkan buluh (sebagai atap). Guru besar yang pertama ialah Tuan Syed Idris Bin Syed Habib. Pada tahun 1970-an, sebuah bangunan tiga tingkat telah dibina. Namun begitu sekolah ini masih menghadapi masalah kekurangan bilik darjah lantaran jumlah murid yang semakin meningkat. Maka pada tahun 1980-an dengan bantuan Angkatan Tentera Malaysia, bangunan kayu dan sekolah kilat telah dibina.

Pada tahun 2006, sekolah ini mempunyai tiga blok bangunan baru yang siap pada tahun 2003. Kini Sekolah Kebangsaan Kampong Pek (SKKP) mempunyai bilik darjah yang selesa, pusat sumber, bilik SAL dan lain-lain kemudahan yang boleh membantu meningkatkan lagi proses pengajaran dan pembelajaran.

Untuk menyiapkan tugasan yang diberikan kepada kami berdua tentang sejarah lisan, kami berdua memilih Puan Nik Abdah Binti Omar iaitu guru yang paling lama berkhidmat di SKKP. Sebelum memilih beliau, kami ada sudah berjanji dengan cikgu Zahari namun apakah daya jadual cikgu tersebut padat dan kami cari selain cikgu Zahari dan akhirnya berjaya Cikgu Nik Abdah bersetuju untuk ditemu bual. Pada 13 November 2018 kami telah menjalankan sesi temu bual bersama Puan Nik Abdah selama 1 jam 20 minit di Sekolah Kebangsaan Kampong pek. Dengan ini, kami telah Berjaya merakam perbualan Bersama beliau dan menterjemah setiap sebutan dan perkataan yang membawa kepada sejarah lisan ini terjadi.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Rakaman ini berkisah tentang bangunan bersejarah Sekolah Kebangsaan Kampong Pek dari tahun 1928 sehingga kini. Puan Nik Abdah sebagai tokoh. Puan Nik Abdah ialah guru yang paling lama berkhidmat di SKKP. Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

Cikgu : Puan Nik Abdah Binti Omar

Mashidayu : Normashidayu Binti Abu Bakar

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG

MASHIDAYU : Assalamualaikum wbt. Terlebih dahulu saya memperkenalkan diri saya. Saya Normashidayu Binti Abu Bakar dan bersama sahabat saya, Nur Syafiqah Athirah Binti Zamri daripada UiTM Machang untuk bertanya mengenai sejarah pembangunan di Sekolah Kebangsaan Kampong Pek. Assalamualaikum Cikgu. Sebagai permulaan, boleh kami tahu mengenai Cikgu serba sedikit?

CIKGU : Waalaikummussalam. Selamat datang ke Sekolah Kebangsaan Kampong Pek untuk adik-adik berdua. Nama penuh Cikgu, Nik Abdah Binti Omar. Dilahirkan-sebenarnya Cikgu orang tempatan di sini, di Batu 31 Machang. Tetapi, apabila sudah berkeluarga, Cikgu berpindah ke kawasan sekitar juga. Membina rumah di Kampong Air Hijau. Berpindah keluar, membeli tanah dan membuat rumah sendiri berkeluarga di Kampong Air Hijau. Dalam jajahan juga, dekat-dekat sini juga.

MASHIDAYU : Boleh kami tahu usia Cikgu sekarang berapa?

CIKGU : Cikgu sudah berusia lima puluh dua tahun.

MASHIDAYU : Apakah nama gelaran Cikgu? Kebiasaan orang panggil Cikgu apa?

CIKGU : Sebenarnya, kalau hendak dikira, nama itu biasanya dikalangan murid-murid, dipanggil nama penuh, Cikgu Nik Abdah. Tetapi, kalau dikalangan guru-guru, biasanya di Kelantan, duduk di sini, Nik itu ramai. Dulu, terdapat guru besar yang panggil Nik Dah. Kemudian, apabila datang cikgu baru, ramai yang Nik Dah nya. Jadi, disebabkan oleh nama Cikgu Nik Abdah, ada yang panggil AB.

MASHIDAYU : Sebelum itu, boleh kami tahu sudah berapa lama Cikgu berkhidmat sebagai guru secara umumnya?

CIKGU : Saya berkhidmat lebih kurang dua puluh lima tahun pada 2018 tahun ini. Sudah tiga buah sekolah. Dulu ‘posting’, saya ‘posting’ di Kuala Krai. Kemudian, ikut suami ke Johor. Kemudian, balik ke sini pada tahun 1998 sehingga sekarang. Sudah dua puluh tahun.

MASHIDAYU : Boleh Cikgu ceritakan sejarah latar belakang keluaga Cikgu? Berapakah bilangan anak-anak Cikgu sekarang?

CIKGU : Anak ada empat orang. Dua lelaki dan dua perempuan.

MASHIDAYU : Tempat tinggal Cikgu sekarang dan mengapa Cikgu mengambil keputusan untuk terus tinggal disitu?

- CIKGU** : Sepertimana yang saya cakap tadi, saya sudah berpindah dari rumah keluarga ke Kampong Air Hijau dan membuat keputusan untuk menetap disitu kerana itulah tempat keluarga dan (batuk) anak-anak tinggal di situ.
- MASHIDAYU** : Boleh kami tahu mengenai serba sedikit tentang suami Cikgu dan juga anak-anak Cikgu?
- CIKGU** : Suami Cikgu asal orang Tumpat dan mengajar di Sekolah Kebangsaan Jambu Lawar, disebelah dan masih lagi mengajar disitu. Dekat sahaja, tidak sampai satu kilometer. Anak-anak, sekarang ini yang sudah berkeluarga, seorang. Sudah berkahwin maksud saya. Yang lain masih belajar. Tinggal yang bongsu, di asrama dan jika hendak dikirakan jika hari-hari biasa, jika hari bersekolah, kami tinggal berdua sahaja. Tetapi, jika hari-hari bersekolah, anak-anak semua tinggal di asrama dan seorang sudah bekerja dan sudah berkeluarga.
- MASHIDAYU** : Mengenai sejarah pendidikan Cikgu, bolehkah Cikgu menceritakan mengenainya? Cikgu dahulu belajar dimana?
- CIKGU** : Saya orang sini. Bersekolah juga di Sekolah Kebangsaan Jambu Lawar, ditempat suami sekarang. Kemudian, sekolah rendah. Kemudian, saya ke sekolah menengah, di sekolah sebelah iaitu Sekolah Menengah Seri Intan. Kemudian, melanjutkan pelajaran ke Tingkatan Enam di Sekolah Menengah Hamzah. Kemudian, masuk ke Maktab Perguruan di Kota Bharu pada tahun 1990 selama dua tahun setengah. Kemudian, mengajar sehingga 2009. Melanjutkan pelajaran mula-mula dalam kursus Dalam Perkhidmatan selama empat belas minggu di Institut Perguruan Sultan Mizan. Kemudian, September 2009 itu melanjutkan pelajaran ke *Open University of Malaysia*. Sehingga graduasi sehingga 2005.

- MASHIDAYU** : Sepanjang di universiti, adakah Cikgu aktif melibatkan diri dalam aktiviti yang dianjurkan oleh universiti?
- CIKGU** : Sebenarnya, saya bukan masuk secara sepenuh masa. Pelajaran secara jarak jauh. Jadi tidak ada khusus, kita cuma pergi belajar di hujung minggu sahaja. Jadi, tiada aktiviti. Sebenarnya, *Open University of Malaysia* ini memberi peluang pada masa itu 2009, Kementerian Pendidikan menggalakkan guru-guru untuk belajar sahaja. Jadi, kami cuma ambil pelajaran jarak jauh dan meluluskan pelajaran untuk meningkatkan pembelajaran kita sebab asalnya kita cuma ada sijil perguruan sahaja. Setelah itu, kami mendapat ijazah yang dapat meningkatkan tahap pendidikan.
- MASHIDAYU** : Adakah Cikgu menyambung lagi pelajaran selepas itu?
- CIKGU** : Tidak. Mungkin masa itu umur sudah pun berusia. Biasiswa pun tidak dapat untuk orang yang sudah lanjut usia. Setelah itu, cukuplah daripada bergraduasi tahun 2013. Saya menumpukan kembali, saya datang ke sekolah kembali dengan ilmu yang baru.
- MASHIDAYU** : Boleh kami tahu, mengapa Cikgu memilih bidang pendidikan itu sendiri?
- CIKGU** : Sebenarnya, saya dilahirkan di kalangan cikgu. Ibu Cikgu ialah cikgu. Jadi, dari situ, lahirnya, saya melihat dalam keluarga saya – sebenarnya daripada penglihatan. Asalnya, tidak timbul minat pada awalnya. Tetapi apabila keluarga memberi galakan, apabila sudah masuk ke Maktab, minat itu mula timbul dan saya merasakan bidang pendidikan ini memang merupakan bidang yang terbaik.
- MASHIDAYU** : Cikgu membuat pilihan yang baik.

CIKGU

: Ya.

TAMAT BAHAGIAN 1

BAHAGIAN 2: PENCAPAIAN CIKGU

MASHIDAYU : Bolehkah Cikgu ceritakan sedikit tentang jawatan Cikgu sekarang ini?

CIKGU : Sekarang ini, Cikgu sebagai Ketua Panitia Bahasa Melayu. Tetapi, ini baru setahun tahun ini sebab sebelum ini Cikgu lebih kepada tahap satu. Dulu pada tahun apabila diperkenalkan Kia 2M pada tahun 2008 kalau tidak silap, Cikgu menjadi penyelaras KIA 2M sehingga ditukar pada tahun 2010 kepada LINOS. Cikgu mengambil masa terlalu lama disitu berkhidmat di tahap satu. Darjah satu, darjah dua, darjah tiga dan separuh daripada pengalaman mengajar cikgu, berada di tahap satu, jadi penyelaras. Jadi, apabila tahun-tahun kebelakangan ini, apabila Cikgu mengambil ijazah, Cikgu merasakan ilmu itu kita kena lebarluaskan untuk murid kemudian Cikgu cuba untuk mengajar murid tahap dua dan guru besar mnegesyorkan Cikgu ambil darjah enam. Jadi, mula-mula takut juga, lama-lama Cikgu cuba dengan tahun empat dahulu. Apabila dua tiga tahun, Cikgu berasa yakin. Barulah tahun ini diberi tugas sebagai ketua panitia Bahasa Melayu. Jadi, pengalaman ketua panitia itu sanagt baru lagi. Kalau ditanya penyelaras LINOS itu pengalamannya lagi banyak boleh diceritakan. Tapi, kalau jawatan baru ini, Cikgu belum boleh memberi jawapan yang 100 peratus sebab masih baru terlibat, iaitu pada tahun ini.

MASHIDAYU : Melalui pengalaman Cikgu tadi, adakah Cikgu merasakan itu merupakan satu cabaran buat Cikgu sebagai Ketua Panitia Bahasa Melayu?

CIKGU : Tidak juga. Sebab sebenarnya apabila Cikgu sudah masuk ke dalam tahap dua, terutama tahun enam, Cikgu rasa Cikgu berasa di tempat yang selesa diesebabkan ramai Cikgu yang berpengalaman. Disini ada Cikgu

yang menanda kertas. Jadi, apabila Cikgu masuk, ramai yang memberi kerjasama. Jadi, rasanya tugas ini kita cuma menyambung tugas daripada rakan-rakan yang lepas. Jadi, rasanya mudah untuk Cikgu teruskan sahaja, sebab Cikgu Bahasa Melayu ini kebiasaannya, cara pengalaman mengajarnya sama, cara mengajarnya sama, jadi kita boleh berbincang dengan cikgu-cikgu tersebut begitu senang untuk mewujudkan satu panitia yang berkualiti. Begitulah Cikgu rasa dan cabaran itu tiada sangat

- MASHIDAYU** : Apakah jawatan yang Cikgu jawat sebelum ini?
- CIKGU** : Sebelum ketua panitia itu, Cikgu penyelaras LINOS. Sebelum itu penyelaras KIA lagi. Sebelum dihapuskan KIA, Cikgu LINOS.
- MASHIDAYU** : Apakah antara pengalaman yang tidak boleh Cikgu lupakan sepanjang berada di sekolah ini?
- CIKGU** : Pengalaman, semuanya indah-indah (ketawa kecil)
- MASHIDAYU** : Sebagai contohnya?
- CIKGU** : Terutama sebab Cikgu baru lagi mengajar tahun enam, baru tiga tahun. Cikgu pengalaman banyak tahap satu sebab pengalaman itu, berbeza pengalaman tahap satu dan pengalaman tahap dua itu ialah penglibatan ibu bapa. Jika tahap dua, ibu bapa tidak pernah berjumpa kita. Tetapi jika tahap satu, kita datang ke sekolah, ibu bapa sudah berjumpa kita. Mereka bawa sendiri anak sedangkan ini tidak berlaku di tahap dua sebab mereka datang sendiri. Jadi, pagi-pagi, Cikgu biasanya datang pukul tujuh sudah sampai ke sekolah dan apabila sampai, Cikgu sudah berjumpa dengan ibu bapa. Jadi, pengalaman itu

sangat seronok sebab kita boleh berbincang mengenai anak-anak, mengenai pelajaran anak-anak, jadi kita boleh berbincang apa yang perlu dia buat. Jadi saya rasa itulah pengalaman paling manis yang tidak jumpa setelah mengajar tahun enam sebab kita cuma berjumpa pada hari ibu bapa sahaja, iaitu hari member keputusan sedangkan kalau tahap satu, setiap hari. Pada waktunya balik, kadang-kadang pada waktunya rehat juga kita boleh berjumpa ibu bapa.

- MASHIDAYU** : Secara umumnya, apakah cabaran yang Cikgu lalui sepanjang mengajar di sekolah ini?
- CIKGU** : Kalau dari segi pembelajaran ataupun pendidikan, rasanya tiada masalah. Biasanya masalah murid ada yang lambat, ada yang terlalu hyperaktif, tetapi itu bukan sebagai cabaran. Itu adalah sebagai rutin seorang guru. Tetapi cabaran sebenarnya ialah ketidakhadiran ke sekolah, murid ini tidak hadir ke sekolah. Dan kemudian, kita sukar hendak selesaikan masalah itu sebab kebanyakan kampung-kampung disini berjauhan dengan sekolah dan terdapat ibu bapa yang masih belum memahami hakikat pelajaran. Kalau Cikgu kata, ada yang ibu bapa yang terlupa untuk hantar anak ke sekolah, juga ada. Apabila dia mendaftar, hari pertama kita tengok sijil kelahiran, sebenarnya anak dia sudah pun darjah dua. Maknanya benda tersebut berlaku disini. Itulah cabaran kita sebab kesedaran ibu bapa tentang pendidikan mungkin kebelakang sikit daripada tempat lain sebab disini terdapat banyak kampung yang pedalaman yang dia boleh tertinggal sedangkan kita sudah ada empat pra disini tapi dia masih lagi terlepas pandang. Terdapat dua tiga orang, apabila datang untuk berdaftar darjah satu, sebenarnya anaknya sudah darjah dua. Jadi, tidak hadir ke sekolah itu sudah menjadi ibu bapa tidak kisah mengenainya. Apabila ditanya mengapa tidak hadir ke sekolah, menjaga adik, disebabkan ibunya menoreh. Jika dia datang setiap hari, maka pendapatan ibunya kurang

jadi dia akan kurangkan masa untuk datang ke sekolah untuk banyakkan masa ibunya pergi menoreh.

MASHIDAYU : Bagaimana tanggungjawab seorang cikgu menangani atau membantu murid-murid?

CIKGU : Kita akan hantar kepada kaunselor. Guru kelas akan mengambil data-data murid yang tidak datang. Kita akan bertanyakan mengenai sebab dia, hantar surat peringatan kepada ibu bapa dia dan kemudian, biasanya guru kelas dan kaunselor pergi melawat ke rumah-rumah. Tetapi kebiasannya, yang kita jumpa ialah, ibu bapa tidak sedar bahawa dia perlu menghantar anak ke sekolah sebab apabila kita sampai ke rumah, bukan ada satu perasaan terkejut, rasa bersalah, tiada. Biasalah, sebab dia kata rumah jauh, tiada kenderaan. Dia pula seperti, patut anak mereka tidak ke sekolah. Minda dia sangat sukar, sehingga sekarang juga, target sekolah sebanyak 95 peratus kehadiran, masih belum mencapai ke 90 peratus. Biasanya 85 peratus, sangat jauh dengan target 95 peratus. Belum mencapai target sebab apabila dilihat, pendapatan ibu bapa, isi rumah ada yang belum mencapai pendapatan seribu. Jadi, kenderaan yang digunakan (batuk) misalnya tiga adik beradik, dia perlu menaiki motosikal. Itulah salah satu faktor yang kita tidak boleh menanganinya sebab apabila dia berulang-alik dengan anak-anak yang ramai, biasanya motosikal tersebut bocor. Hari pertama ke sekolah, hari kedua bocor sebab ada yang membawa tiga orang anak sekaligus, empat orang bersama ayahnya. Jadi, sangat sukar dalam keadaan sekolah ini yang pedalaman, sangat sukar untuk menangani masalah kehadiran murid.

MASHIDAYU : Jadi, baiklah. Kiranya Cikgu mengajar disini selama---

CIKGU : Dua puluh tahun.

MASHIDAYU : Dua puluh tahun lebih.

CIKGU : Bermula tahun 1998.

TAMAT BAHAGIAN 2

BAHAGIAN 3: SEJARAH SEKOLAH

- MASHIDAYU** : Seterusnya kita ke bahagian tiga, iaitu sejarah mengenai Sekolah Kebangsaan Kampong Pek. Daripada pembacaan saya, dikatakan sekolah ini ditubuhkan pada tahun 1928. Sudah pasti terdapat pelbagai nilai sejarah yang terdapat di sekolah ini. Pada pendapat Cikgu, bangunan sekolah ini diperbuat daripada apa dan apakah bahan utamanya?
- CIKGU** : Pada asalnya, pada awalnya, sekolah ini diperbuat daripada kayu, yang sebenarnya bukan dibina oleh kerajaan tetapi ia pada masa tersebut, ia adalah kawasan tentera, Askar Melayu Diraja. Ia dibina pada masa itu kerana jalan-jalan kampung, mungkin pada masa itu, adalah tugas tentera untuk membuat jalan. Jadi, apabila dia menetap disini, mungkin dalam tentera itu dia menubuhan satu hasil untuk orang ramai atau komuniti, yang diperbuat daripada kayu, di hadapan iaitu di pondok pengawal. Pada masa itu, sambil dia membina sekolah, dia juga membuat jalan, jalan di depan sekolah, jalan tar pada masa itu. Sehingga tahun 1974, ataupun awal 70-an, apabila bangunan tersebut diperbuat daripada kayu, akhirnya ia roboh. Ada juga pendapat yang mengatakan ia roboh disebabkan oleh dilanggar kenderaan yang membina jalan raya itu. Jadi, bangunan tersebut roboh sehingga dibina ‘bangunan kilat’ untuk menampung ketidakcukupan, jadi ia membuat ‘bangunan kilat’. Kemudian, selepas bangunan kayu tersebut, terdapat bangunan tiga tingkat di hadapan, di kantin, pada mula-mula masuk untuk menampung murid yang tidak cukup.
- MASHIDAYU** : Kiranya bangunan tersebut tidak dirobohkan dan ia teroboh? (ketawa kecil).
- CIKGU** : Ya. Mudah roboh itu sebenarnya kalau saya dengar cerita daripada orang dahulu, sebab kayu itu pernah kawan-kawan sekolah tanya dan

pernah bercerita yang kayu itu sambil belajar pun ia sudah jatuh sebab ia diperbuat daripada kayu dan ia jatuh pun seperti itu. Kemungkinan tedapat anai-anai jadi bila sudah terlanggar ‘stemroll’, begitu lebih kurang dan bangunan tersebut roboh kemudian tidak diperbaharui lagi sebab pada waktu itu sudah dibina satu bangunan tiga tingkat jadi ia dibiarkan bangunan tersebut, dikemaskan kawasan tersebut. Sekolah menerima bangunan baharu. Selain daripada ‘bangunan kilat’ yang dibuat kayu itu, ia juga dibina bangunan kayu juga disebelah sini. Terdapat dua bangunan kilat, yang dibina bersama tentera dan orang kampung untuk menampung – ‘bangunan kilat’ itu bukan merupakan 100 peratus kayu. Satu bangunan paling awal itu merupakan 100 peratus kayu yang terdapat tangga, dimana Cikgu masih lagi ingat – sebenarnya ibu Cikgu mengajar disini dahulu. Jadi, pernah datang sini tengok sekolah itu. Ia diperbuat daripada kayu, terdapat tangga, naik seperti itu. Selepas itu, disebabkan tidak cukup bangunan, ia dibina ‘bangunan kilat’ di sebelah, gotong-royong bersama kampung, dua bangunan.

MASHIDAYU : Jadi, ‘bangunan kilat’ tersebut dibina untuk menampung---

CIKGU : Ya. Menampung bangunan kayu itu, yang cuma beberapa kelas sahaja.

- MASHIDAYU** : Pada awalnya, sekolah ini diberikan nama Sekolah Melayu Kampong Pek. Bilakah namanya ditukar menjadi Sekolah Kebangsaan Kampong Pek?
- CIKGU** : Setelah sejarah pendidikan bermula, apabila ia membina satu sekolah, sekolah melayu maknanya sekolah itu antara orang-orang yang belajar disitu semuanya anak-anak Melayu. Tetapi apabila sistem pendidikan sudah menetapkan sekolah kebangsaan, bermula awal 70-an, akhir 60-an, kita diarahkan maknanya kita sudah ada sekolah Cina, sekolah jenis kebangsaan, jadi sekolah-sekolah ini ditukar kepada sekolah kebangsaan. Jadi bermaksud, ia bebas menerima sesiapa sahaja daripada pelbagai kaum. Sekolah kebangsaan ini ditukar kerana sistem pendidikan kita yang memang sebegini. Jika kita lihat pada sejarah pendidikan kita, ia ditukar daripada Sekolah Melayu kepada sekolah kebangsaan kerana mengikut peredaran sistem pendidikan di Malaysia.
- MASHIDAYU** : Melalui pembacaan saya, pada tahun 1970, dikatakan sebuah bangunan tiga tingkat didirikan. Adakah bangunan tersebut masih ada sekarang?
- CIKGU** : Ya. Bangunan yang dihadapan sekali, sebelah kantin.
- MASHIDAYU** : Kegunaan bangunan tersebut?
- CIKGU** : Kegunaannya, masih lagi untuk murid-murid belajar, iaitu murid-murid tahun tiga. Empat kelas dan menggunakan bilik-bilik khas seperti bilik Kurikulum Standard Sekolah Rendah, Bilik Komputer, dan juga bilik PIBG [Perlembagaan Persatuan Ibu Bapa dan Guru].

MASHIDAYU : Bagaimana pula pihak sekolah menghadapi situasi dimana berlakunya kekurangan bilik darjah pada masa itu?

CIKGU : Kita masih lagi menggunakan bangunan kilat, membaikpulih ‘bangunan kilat’ itu iaitu bangunan kayu itu sudah roboh, pada masa itu, bangunan kayu itu sudah lama, masih – Jadi pihak sekolah meminta dari Jabatan Pelajaran Negara untuk membaikpulih ‘bangunan kilat’ itu. Jadi, kita menggunakanannya. Selain daripada bangunan tiga tingkat itu, kita menggunakan ‘bangunan kilat’ yang lama itu setelah kita tukar atapnya. Tukar atap, tingkapnya dicat semula. Simen yang rosak, dibaikkan semula. Kemudian, sekolah pada masa itulah kita ada peruntukan buat sekolah yang baru.

MASHIDAYU : Bagaimana keadaan bangunan pada waktu itu?

CIKGU : ‘Bangunan kilat’ itu elok sampai sekarang, masih digunakan sebab ia sentiasa dibaiki. Elektrik juga ditukar, pendawaiannya dibaikpulihkan. Lampu-lampu ditukar, jadi bangunan itu masih boleh digunakan sampai sekarang.

MASHIDAYU : Dengan bantuan siapakah, tadi Cikgu menyebut dengan orang kampung. Adakah cikgu-cikgu terlibat? Adakah dengan bantuan orang kampung dan cikgu-cikgu?

CIKGU : Ya. Masa itu pada tahun 70-an lagi. Cikgu pada masa itu semuanya sama dengan askar tersebut, Askar Melayu Diraja.

- MASHIDAYU** : Adakah mereka membantu secara sukarela ataupun pihak sekolah yang meminta bantuan?
- CIKGU** : Diuar-uarkan. Tentera pada masa itu juga, Askar Melayu Diraja juga menjemput orang kampung semuanya datang. Pihak sekolah juga melalui murid-murid sekolah dan ramai yang datang disebabkan keperluan anak-anak mereka.
- MASHIDAYU** : Adakah terdapat pihak lain yang membantu ketika itu?
- CIKGU** : Setakat ini, Cikgu tidak pernah dengar lagi pihak lain. Cikgu hanya dengar setakat itu sahaja selain daripada bantuan Askar Melayu Diraja.
- MASHIDAYU** : Apakah semangat ataupun motivasi untuk menguatkan untuk memperkasakan pembinaan bangunan sekolah tersebut?
- CIKGU** : Sebenarnya pada masa itu, motivasi itu datangnya daripada ibubapa itu sendiri apabila wujudnya sekolah menengah, sekolah lain. Bila adanya kesedaran pendidikan di kalangan ibubapa, dengan sendirinya mereka merasakan anak mereka perlu bersekolah di tempat yang lebih selesa. Jadi, mereka bersemangat untuk – sebenarnya boleh dikatakan kesedaran pendidikan memberi semangat kepada mereka.
- MASHIDAYU** : Pada tahun bila penambahan blok di sekolah ini ditambah?
- CIKGU** : Seingat Cikgu, pada tahun 19... 90 –an.

- MASHIDAYU** : Bangunan apa yang ditambah ketika itu?
- CIKGU** : Bangunan sini, 2006. 2006 ini ialah bangunan ini. Tiga bangunan ini. Tiga blok bangunan atas ini.
- MASHIDAYU** : Pentadbiran?
- CIKGU** : Ya. Sekolah, PSS [Pusat Sumber Sekolah]. Kalau hendak dikirakan, keseluruhan sekolah. Bangunan pentadbiran, sekolah, kelas, bilik darjah, semuanya berada disini. Seolah-olah satu sekolah baharu. Tiga blok ini mempunya semua fasiliti untuk murid-murid.
- MASHIDAYU** : Adakah ia menampung pelajar yang mendaftar?
- CIKGU** : Ya. Setakat ini kelas sangat mencukupi. Tambahan pula, kalau dahulu cikgu datang pada tahun 1998, muridnya seribu lebih, sekarang sudah menjadi enam ratus lebih. Bermakna, bilik darjah sangat mencukupi. Cuma dahulu, kita buat empat kelas. Jikalau sekelas murid hampir empat puluh orang, tapi sekarang murid paling sedikit dua belas orang. Maknanya bilangan murid yang semakin sedikit membuatkan bilangan bilik darjah semakin bertambah.

- MASHIDAYU** : Bagaimana pula dengan kemudahan-kemudahan? Adakah ia mencukupi pada ketika itu?
- CIKGU** : Secara amnya, mencukupi. Cuma, dari segi elektrik, kadang-kadang mecukupi, tetapi kadang-kadang ia mudah rosak seperti kipas. Jadi, kita cuma *topap* [tambah] balik sahaja. Tetapi, setakat ini mencukupi.
- MASHIDAYU** : Apakah usaha pihak sekolah untuk menampung pelajar dengan kemudahan yang ada pada ketika itu?
- CIKGU** : Masalah – macam yang saya katakan tadi, murid semakin berkurang. Jadi, beban murid untuk bersekolah dalam bilik darjah yang selesa sangat memuaskan kerana bilangan murid semakin sedikit. Jadi, murid semakin selesa. Masalah penggunaan kelas sangat mencukupi.
- MASHIDAYU** : Adakah terdapat permintaan bantuan daripada pihak luar contohnya daripada ibubapa, PIBG [Perlembagaan Persatuan Ibubapa Guru] untuk kemudahan-kemudahan sekolah ini?
- CIKGU** : Ada juga terutamanya PIBG. Kita – melalui PIBG kita uar-uarkan kepada ibubapa untuk membantu terutamanya untuk membuat tapak gajah di kawasan sebelah itu untuk mengelakkan – dulu sebelum ini, kawasan tersebut berpasir, jadi pihak sekolah memikirkan, kawasan berpasir tersebut tidak elok untuk murid-murid, jadi kita berfikiran sangat baik kita tukar kepada tapak gajah. Jadi, melalui PIBG, kita uar-uarkan kepada ibubapa yang tinggal berdekatan untuk datang membantu dan juga melaui PIBG juga, kita membuat satu pagar baharu sebelah ini untuk memudahkan ibubapa keluar masuk menghantar anak mereka. Biasanya pagar di hadapan sangat sempit untuk kemasukan guru di waktu pagi dan ibubapa lagi. Jadi, masalah

kesesakan di pintu pagar masuk, jadi membuat satu lagi pintu masuk yang kedua sebelah belakang sekolah.

- MASHIDAYU** : Seperti yang Cikgu katakan tadi, pada tahun 2006, tiga blok bangunan yang telah ditubuhkan. Adakah bangunan tersebut sepenuhnya daripada kerajaan ataupun ada bantuan daripada ibubapa itu sendiri.
- CIKGU** : Tidak. Memang 100 peratus dari bantuan kerajaan.

TAMAT BAHAGIAN 3

BAHAGIAN 4: BANGUNAN BERSEJARAH

MASHIDAYU : Pada pengetahuan cikgu, bangunan kilat itu adakah ia bangunan terlama pada masa itu?

CIKGU : Ya, ia ada dua bangunan hmm sebeloh (sebelah) tepi sekolah ini, ia adalah bangunan paling lama, sama lama dengan bangunan depan tu lah (itu laa) yang tiga tingkat itu.

MASHIDAYU : Ia pada masa itu. maksudanya digunakan untuk pelajar lah (la) or (atau) untuk kelas?

CIKGU : Yaa, untuk kelas sahaja, sekarang ini (erm) bangunan itu sudah di dinaik tarafkan dia sudah buat buat bangunan baru untuk pra. jadi bangunan kilat itu sudah kalua tengok sekarang ini sudah separuhnya kelas dan separuh lagi di ambik untuk pra dan dibaiki dindingnya untuk keselesaan pra sekolah lah

MASHIDAYU : Maknanya tapak ermm bangunan tersebut masih ada tetapi diubah menjadi pra dan kelas?

CIKGU : Haaa (iyakan)

MASHIDAYU : Pada pendapat cikgu, adakah bangunan itu dikira bangunan bersejarahan?

CIKGU : Hmm bersejarahla jugak (juga) sebab ia adalah kerjasama orang-orang kampung dan pihak sekolah tapi dia adalah sejarah yang terpendam lah (la) tiada siapa yang tahu. Mungkin generasi baru ni (ini) dia tak tahu (tidak tahu) pasal sejarah sb dia dah (sudah) fokus pada bangunan bangunan yang baru. Dia (pelajar) mari sekolah pon tiada siapa yang tanya kenapa bangunan itu berbeza dari bangunan lain? takde (tiada). Jadi budak budak sekarang tak (tidak) memikirkan pasal sejarah. Err dia (pelajar) tahu dia nak (mahu) err cumanya dia (pelajar) Cuma kata kenapa bangunan ini lama. Tapi bila dia (pelajar) tengok pra sekolah itu sudah semakin baik, semakin bangunan nya semakin kukuh ermm dia (pelajar) pon macam dah (sudah) tidak kisah lah (la) tiada siapalah (la) yang mencungkil sejarah ini

MASHIDAYU : Cikgu mengatakan bangunan tersebut telah roboh, kira kira pada tahun berapa?

CIKGU : Awal tujuh puluh-an rasanya. Dalam tahun, bangunan itu pun rasanya tidak lama dalam lima tahun. Dalam tahun tujuh puluh empat ataupun tujuh puluh lima lebih kurang macam itulaa dirobohkan

- MASHIDAYU** : Pada tahun berapakah pulak yang pra dengan kelas ditubuhkan balik?
- CIKGU** : Erm pra sekolah ditubuhkan ermm apabila dalam Pendidikan diperkenalkan pra sekolah mewajibkan murid lima tahun ke sekolah. Ermm cikgu pon tak (tidak) ingat tahun berapa. Diwujudkan pra sekolah itulah (la) pra sekolah tu (itu) pada mula-mula tidak ada bangunan baru dibuat jadi masa itu pihak sekolah memikirkan dimana untuk membentuk bina bila kementerian Pendidikan dalam ermm, guru besar dahulu mewajibkan lima tahun murid tak ada bangunan jadi terpaksa menggunakan bangunan-bangunan kilat itu untuk masa itu lah (la). Bangunan pra digunakan di situ.
- MASHIDAYU** : Selain bangunan yang diceritakan oleh cikgu, adakah masih ada bangunan yang ada nilai sejarah?
- CIKGU** : Ermm tak adalaaa itu sahaja. Sebab, sekarang pon ada bangunan paling baru yang belum digunakan didepan sana yang baru siap.
- MASHIDAYU** : Berdasarkan pemerhatian cikgu, apakah perubahan yang dilaksanakan baik untuk memantapkan dan memperbaiki kegunaan bangunan tersebut?
- CIKGU** : Cuma perubahan dari segi bangunan itu masih tidak diusik apa-apa, Cuma ermm penggunaan elektrik ditukar wayarnya, itu je lah (la). Maknanya kemudahan, kemudahan dalam bangunan. Kalau bangunan itu tidak diusik laa.

- MASHIDAYU** : Apakah usaha jabatan pelajaran di Kelantan lakukan untuk pembangunan sekolah?
- CIKGU** : Jpn sentiasa memberi peruntukan, Cuma guru besar kene (harusla) memohon la. Sekolah ini pon memang sentiasa mendapat bantuan dari segi, ermum kita boleh memohon sebenarnya tukar atap ke, untuk letrik (eletrik), untuk aircond (penghawa dingin), kitab oleh memohon dan biasanya kita akan dapat bantuan itu.
- MASHIDAYU** : Mengenai pembangunan tadi, berapakah jumlah bajet kira-kira jumlah bajet diperuntukkan untuk pembinaan?
- CIKGU** : Bajet itu hehe (ketawa) tidak boleh diceritakan secara tepat laa kalau nk kira kan sangat-sangat banyak laa kalau nak (hendak) kira kalua bangunan apa itu dewan terbuka itu pun dah (sudah) satu ratus ribu. Haa maknanya bajetnya sangat banyak laa mungkin juta. Saya tak (tidak) boleh bagi angka yang tepat la angkaran.
- MASHIDAYU** : Berapakah anggaran keluasan bangunan baru?
- CIKGU** : Keluasan keseluruhan bangunan ini dalam satu hektar (sambil berfikir) dua la, sepanjang bangunan dua hektar laa (sambal tunjuk) dua ekar.
- MASHIDAYU** : Kalau bangunan?
- CIKGU** : Kalau keseluruhan kesemua empat hektar doh (dah) atau lima hektar masuk. Sebab kawasan ini luas kalua campur semua. Dalam tiga empat hektar.

- MASHIDAYU** : Kalau dikira bangunan kilat yang cikgu sebut di awal perbualan?
- CIKGU** : Kalau bangunan itu sangat (sambil berfikir) sempit sangat macam separuh padang kot, haa separuh padang bola sepak. Dia (ia) sangat sempit
- MASHIDAYU** : Sumber bajet bangunan kilat dari jpn lah (la)
- CIKGU** : Kalau bangunan kilat itu, macam saya kata (cakap) takdi (sebentar tadi) tidak semua jpn sebab ada tentera waktu itu.
- MASHIDAYU** : Kiranya, sumber lain tentera la?
- CIKGU** : Aah (iyakan)
- MASHIDAYU** : Bilakah anggaran bangunan itu disiap sepenuh masa?
- CIKGU** : Haa dua ribu enam (2006) kita dah boleh duduk (menggunakan) bangunan itu.

MASHIDAYU : Bagaimana boleh timbul kesedaran untuk menumbuhkan sebuah tempat untuk pelajaran pada ketika itu?

CIKGU : (batuk) disebabkan bangunan sekolah sedia ada sudah ada. Jadi, Kawasan ini sebenarnya adalah pekan kecil jadi ia (batuk) dia adalah tumpuan ramai orang-orang yang dating membeli keperluan asas. Jadi, masa itu laa bila adanya dari asalanya bila tumpuan situ (disitu) ramai disitu, maka wujudlah (wujud la) idea untuk membuat satu tempat formal, sekolah formal

MASHIDAYU : Boleh cikgu ceritakan perjalanan sekolah ini sebelum merdeka? Maksud kami dari segi pembinaan, reka bentuk dan cara pembelajaran secara konklusinya.

CIKGU : Kalau dari dulu rekat bentuk dia (bangunan) tiada sistematik lah (la), Cuma dibuat dari orang-orang yang tertentu cuma boleh menampung murid. Dari segi reka bentuknya, lebih kepada rumah kampung tapi ada bilik darjah di dalamnya. Tidak ada kemahiran asas yang canggih sedikit berbanding sekarang dan pembelajaran sekarang menggunakan sistem pembelajaran yang lama. Cikgu serratus peratus mengajar menggunakan kapur. Seratus peratus tu (itu) adalah guru, murid hanya mendengar sahaja dan guru serratus peratus memberi ilmu dan sekarang ini sudah banyak merubah disebabkan pemelajaran sekarang sudah memberi peluang kepada murid untuk memberi idea mengendalikan pelajaran mereka sendiri dibantu oleh guru. Sekarang ini guru lebih kepada fasilitator untuk memudahkan cara.

MASHIDAYU : Pada pengetahuan cikgu, apa berubah tentang sekolah sebelum merdeka?

CIKGU : Dari segi bangunan itu lah (la) dari segi keluasan padang. Kalau sebelum merdeka kita ada mempunyai padang yang dua padang bola sepak lah (la) kita (sekolah) ada ermm (sedang berfikir) kawasan sini nih (di sini) sebenarnya ialah padang. Kita boleh beraktiviti di sekolah berkhemah, semua sekolah-sekolah berdekatan datang ke sini untuk berlawanan sukan. Itulah sebelum merdeka dan awal tujuh puluh an lapan puluh an sehingga la bangunan itu siap dan sekarang tambah lagi tahun lepas bangunan terakhir sehingga sekarang kita (sekolah) tidak ada padang langsung.

MASHIDAYU : Pada pendapat cikgu apakah yang dimaksudkan dan mengapakah kita harus mengekalkan pelihara dan pulihara pada bangunan ini.

CIKGU : Yang pertama ialah satu tempat untuk belajar dan kerana untuk pembelajaran ni (ini) kita mesti memelihiaranya dengan baik kerana nila (ini la) permulaan seseorang individu tu (itu) untuk memluakan hidupnya. Jadi kita (kami) kene (harus la) kekal kan untuk keselesaan dan untuk menarik minat orang (individu) lain untuk datang ke sekolah kita lah (la).

TAMAT BAHAGIAN 4

BAHAGIAN 5: SISTEM PENDIDIKAN

MASHIDAYU : Berapakah jumlah keseluruhan guru besar di sekolah ini? Sekarang ini yang ke berapa?

CIKGU : Guru besar bermula pada tahun 1928 sehingga sekarang (2018). Adalah seramai lima belas orang lah.

MASHIDAYU : Jadi yang ini yang ke lima belas lah?

CIKGU : Haa lima belas (mengiyakan jawapan)

MASHIDAYU : Berapa jumlah guru yang terdapat di sekolah sekarang?

CIKGU : Bilangan guru sekarang ialah seramai enam puluh satu orang.

MASHIDAYU : Berapa pula angkaran murid yang terdapat di sekolah ini?

CIKGU : Lebih kurang ermm (sedang berfikir) enam ratus dua puluh dua orang tapi (tetapi) sebab setiap bulan perubahan angka itu sentiasa berlaku, disebabkan itulah ada yang keluar dan masuk balik murid yang sama. Jadi angkat tu (itu) setiap bulan dia (ia) berubah system sentiasa kena ubahlaa. Dua tiga orang dalam sebulan itu perkara biasa dia (pelajar) datang dia (pelajar) keluar. Mungkin sebab factor keluarga lah. Ada yang mencari rezeki di luar kemudian bercerai. Penceraihan membuatkan dia (pelajar) datang balik (semula) ke sini (sekolah kebangsaan kampung pek) ataupun orang lain yang merantau kemudian balik (pulang) ke kampung dan bersekolah di sini (sekolah kebangsaan kampung pek).

- MASHIDAYU** : Secara puratanya setiap tahun itu menunjukkan pertambahan atau kekurangan?
- CIKGU** : Kalau nak diikutkan sebab- cikgu datang sini tahun Sembilan belas Sembilan puluh lapan angka dia mencapai seribu lebih tapi sekarang dah (sudah) enam ratus lebih. Maknanya semakin kurang, sama ada kurang perndudukeyang berhijrah ataupun- biasanya penhijrahan la
- MASHIDAYU** : Bagaimana pula gaji dibayar pada ketika itu?
- CIKGU** : Awal dulu bayarannya secara tunai. Dibayar secara duit tunai setiap orang termasuk sen dibayar secara duit sen ---
- MASHIDAYU** : Apakah kelengkapan yang disediakan pada ketika itu?
